

21 MAY 2003

PAKEJ-AMBM/I

AMBM KATA PEMOTONGAN KADAR CAMPUR TANGAN SOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Walaupun langkah untuk mengurangkan kadar campur tangan sebanyak sebanyak 50 mata asas kepada 4.5 peratus akan mengurangkan kos bagi perniagaan dan menyebabkan margin lebih rendah institusi perbankan, ahli perbankan saudagar tempatan berkeyakinan bahawa langkah itu akan menyokong dan mengekalkan pelbagai sektor ekonomi.

Pengerusi Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia, Tan Sri Azman Hashim, dalam satu kenyataan hari ini berkata, ianya positif kerana dalam jangka panjang, institusi kewangan akan akhirnya menerima faedah daripada peluasan kukuh aktiviti ekonomi.

Ekoran pemotongan kadar itu, siling kadar pinjaman asas (BLR) bagi bank komersial dan syarikat kewangan akan masing-masing menurun kepada enam dan 6.94 peratus daripada 6.42 peratus dan 7.46 peratus.

Kali terakhir Malaysia memotong kadar campur tangan 0.5 peratus kepada lima peratus dalam 2001.

Ketika memberi respon pakej ekonomi khas yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini, Azman berkata persatuan itu juga yakin pengurangan sumbangan pekerja kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja dari 11 peratus kepada sembilan peratus sebaliknya akan membantu merencanakan perbelanjaan pengguna yang seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi domestik.

Katanya, penglibatan institusi kewangan termasuk Bank Negara Malaysia, Bank Pertanian Malaysia, Bank Simpanan Malaysia dan Bank Pembangunan Infrastruktur dan Industri dalam melaksanakan langkah pakej ekonomi itu akan membantu kekangan bajet kerajaan sambil memastikan kejayaan pakej itu.

Malaysia telah mengalami bajet defisit sejak enam tahun lepas. --
BERNAMA

LES SD AHM